

Ruj. Kami : MQA. 600-2/2/5142 Jld 2 (9)
Tarikh : 11 Januari 2023

Ketua Eksekutif
Kolej Universiti Selatan
PTD 64888, KM 15, Jalan Skudai
Peti Surat 76, 81300 Skudai
JOHOR DARUL TAKZIM

Tuan,

**PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH SAH LAKU PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA
PROGRAM: 'BACHELOR OF TRADITIONAL CHINESE MEDICINE (HONS)' (MQA/PA 7016)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan dengan nombor rujukan SUC/PDAQ/2022/12L/041 bertarikh 20 Disember 2022 mengenai perkara di atas.

2. Selaras dengan bidang kuasa Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) di bawah seksyen 40(1) Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679] dan berdasarkan kepada sebab-sebab permohonan yang telah dikemukakan oleh pihak tuan, pihak MQA dengan ini bersetuju untuk melanjutkan tempoh sah laku Perakuan Akreditasi Sementara program tersebut mulai **10 Disember 2022 hingga 09 Jun 2023**. Tempoh sah laku ini selaras dengan tarikh tamat surat kelulusan dari Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (JPT, KPT) pada 9 Jun 2023.

3. Syarat Perakuan Akreditasi Sementara program tersebut dengan nombor rujukan **MQA.600-2/2/5142(45)** bertarikh 3 Ogos 2016 masih sah dan terpakai sehingga pelanjutan tempoh sah laku ini tamat atau Perakuan Akreditasi Sementara ini dibatalkan menurut seksyen 42 Akta 679.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)